

NO SOALAN: 106

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 8 OGOS 2017

SOALAN : 106

YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]
minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-

adakah benar bahawa 70 peratus daripada cukai dikutip akan diagihkan dengan sama rata kepada Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Jika ya, nyatakan anggaran hasil cukai setahun berbanding dengan anggaran pengagihan cukai kepada tiga wilayah masing-masing.

JAWAPAN :DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan semua negeri mendapat hasil daripada kutipan Cukai Pelancongan ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bercadang untuk mengagihkan semula RM1.00 bagi setiap RM10.00 setiap bilik semalam (*room night*) yang dikutip kepada negeri-negeri bagi tujuan promosi sektor pelancongan. Ini pastinya akan memberi manfaat kepada pelancong termasuk rakyat dan secara tidak langsung akan membantu pertumbuhan industri kecil dan sederhana dan seterusnya menjana ekonomi setempat. Cukai ini juga akan menyediakan sokongan kewangan tambahan kepada industri pelancongan bagi tujuan promosi dan aktiviti pemasaran secara lebih agresif dan efektif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan 239,174 bilik premis penginapan yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, adalah dijangkakan anggaran kutipan Cukai Pelancongan yang bakal dikutip adalah sebanyak RM210,956,787 bagi tempoh setahun berdasarkan Purata Kadar Penginapan atau *Average Occupancy Rate (AOR)* sebanyak 60 peratus. Kementerian ini menjangkakan jumlah kutipan yang lebih tinggi apabila lebih banyak premis penginapan yang akan tampil mendaftar berikutan kuatkuasanya Akta Cukai Pelancongan.

Kementerian ini yakin dengan pelaksanaan Cukai Pelancongan ini, sektor pelancongan dan kebudayaan negara akan terus berkembang dan berupaya untuk menjadi sumber utama pendapatan negara dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Pelaksanaan Cukai Pelancongan sememangnya amat tepat dan kena pada masanya dalam mencapai wawasan negara maju berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih